



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

MINGGU EPIDEMIOLOGI 23 (02 JUN 2024 – 08 JUN 2024)

Pada Minggu Epidemiologi ke-23 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,508 kes berbanding 2,522 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-23 tahun 2024.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-23 adalah sebanyak 67,137 kes berbanding 51,331 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 48 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 37 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-23 adalah sebanyak 71 lokaliti berbanding 74 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 71 lokaliti yang dilaporkan, 53 lokaliti di Selangor, tujuh (7) lokaliti di WPKL & Putrajaya, empat (4) lokaliti di Kedah, tiga (3) lokaliti di Perak, dua (2) di lokaliti Pulau Pinang, satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan dan satu (1) lokaliti di Sarawak.

Bagi surveilans chikungunya, terdapat tiga (3) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-23. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 34 kes. Tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-23. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,149 sampel darah, enam (6) sampel urin dan dua (2) sampel cecair tulang belakang telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Semua pihak perlu memainkan peranan dan bekerjasama dalam memastikan tiada pembiakan nyamuk *Aedes* di persekitaran premis. Komuniti disarankan supaya melakukan aktiviti gotong-royong bagi menghapuskan tempat-tempat pembiakan *Aedes* secara berkala termasuk mengitar semula atau melupuskan barang lusuh yang tidak terpakai yang berpotensi menjadi tempat nyamuk *Aedes*. Jadikan aktiviti Cari dan Musnah tempat pembiakan *Aedes* di dalam dan luar rumah 10 minit sekali seminggu sebagai aktiviti rutin keluarga bagi memastikan persekitaran bebas *Aedes* dan seterusnya memutuskan kitaran nyamuk *Aedes*. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
15 JUN 2024




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-23 & ke-22 tahun 2024



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-23 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-23), 2023 dan median 2019-2023



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-23 tahun 2024